

CNS1449

R GB 03-03 00163 BC436

aab

Mahathir - Major

MAJOR BERHAK BERKATA APA SAHAJA, KATA DR MAHATHIR

I

KUALA LUMPUR, 2 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Perdana Menteri Britain John Major berhak berkata apa sahaja berhubung dengan keputusan kerajaan Malaysia tidak akan menawarkan kontrak baru kepada syarikat-syarikat Britain.

"Tetapi saya perlu memastikan sama ada kenyataan itu benar atau disalahlaporkan oleh media," kata beliau ketika diminta mengulas kenyataan Major bahawa Malaysia berfikiran singkat dan tidak mempunyai justifikasi apabila membuat keputusan itu ekoran sikap media Britain yang tidak bertanggungjawab.

Major dilaporkan membuat kenyataan itu ketika diwawancara oleh Perbadanan Penyiaran British (BBC) sekembalinya dari lawatan ke Amerika Syarikat.

Beliau memberitahu pemberita selepas majlis berbuka puasa dengan 220 anak yatim di Carcosa Sri Negara di sini malam ini bahawa Malaysia tahu apa yang dilakukannya.

"Walaupun Malaysia cuma sebuah negara kecil, kami tahu apa yang kami lakukan".

"Kadang-kadang kita melakukan kesilapan," kata beliau. -- Lagi

▼03/03/00-12MST

CNS1450

R GB 03-03 00168 BC437

aab

Mahathir - Major 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir juga berkata beliau tidak akan mengambil tindakan baru sehingga media Britain yang tidak bertanggungjawab belajar untuk melaporkan kebenaran.

"Saya mempunyai kuasa tetapi kuasa itu dijalankan bersama anggota-anggota Kabinet. Saya tidak akan berbuat apa-apa dan Kabinet saya juga tidak akan berbuat apa-apa" kata beliau.

Beliau berkata bahawa Malaysia tidak bersengketa dengan kerajaan Britain, ahli perniagaan atau rakyat British tetapi Malaysia tidak dapat berdiam diri terhadap pembbohongan yang disebarkan oleh media Britain.

Tuduhan yang dilemparkan terhadap beliau telah tersebar di seluruh dunia dan menjejaskan reputasinya, kata beliau sambil berkata Dr Mahathir tidak mempunyai cara lain untuk membetulkan semua fitnah itu.

"Menang mudah untuk berkata orang lain rasuah tetapi mana buktinya," kata beliau, kata beliau ekoran dakwaan bahawa sebuah syarikat pembinaan Britain, Wimpey Group, telah membayar AS\$50,000 (RM135,000) sebagai rasuah dalam usaha mendapatkan kontrak itu..

Kerajaan Malaysia kemudian memberi penjelasan bahawa projek seumpama itu tidak wujud.

Dr Mahathir berkata jika pegawai Wimpey itu mengaku bahawa dia memberi sogokan, maka dia harus ditangkap dan didakwa kerana ia ialah satu-satunya cara untuk membuktikan dakwaan itu.

"Orang ini mendakwa dia memberi AS\$50,000 kepada seseorang yang dikatakan mewakili saya dan menyimpannya di Swiss Bank. Lebih baiklah dia didakwa," kata beliau.

Ketika ditanya mengenai kedudukan firma-firma Britain yang telah ditawarkan kontrak kerajaan, Dr Mahathir firma-firma itu tidak terjejas.

Perdana Menteri berkata keputusan kerajaan itu cuma membabitkan kontrak baru. -- Bernama

RM SN ABG FAZ